

09 MAR 1999

Sabah-PBS

DOMPOK TAK GUSAR TEKANAN PBS

PENAMPANG, 9 Mac (Bernama) -- Satu pengumuman pada perhimpunan Parti Bersatu Sabah di sini Ahad lepas meminta pemilik sebuah kereta mengalihkan kenderaan itu kerana ia menghalang sebuah lagi kereta membawa seorang wanita yang hendak bersalin.

Pada perhimpunan sambutan ulang tahun ke 14 parti itu di Hongkod Koisaan iaitu pusat kebudayaan Kadazandusun di sini, pengacaranya berulang kali menyebut nombor kereta berkenaan sambil berkata wanita itu perlu dibawa sebarap segera ke hospital.

"Ini baru penyokong setia PBS. Sudah tahu mahu beranak pun datang sokong parti," kata seorang penyokong parti itu.

Para penyokong itu yang datang ke pusat itu seawal 6 petang, tidak berganjak sehinggalah mereka dapat mendengar ucapan presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan. Beliau hanya mula berucap hampir tengah malam.

Oleh kerana pusat itu terletak dalam kawasan Moyog, sambutan itu juga merupakan kempen pilihan raya negeri kesembilan bagi calon PBS Datuk Clarence Bongkos Malakun.

Moyog adalah kemuncak pertarungan bagi 12 kerusi Kadazandusun dalam pilihan raya kali ini.

Ini kerana ia kawasan yang ditandingi Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok yang berkata beliau akan bersara daripada politik jika 22,616 pengundi di situ tidak memilihnya pada pengundian Jumaat dan Sabtu ini.

Pada perhimpunan malam itu, pemimpin-pemimpin PBS mengambil kesempatan menyerang Dompok yang dulunya orang kuat parti itu sehinggalah beliau meninggalkannya bersama beberapa tokoh PBS yang lain selepas pilihan raya 1994 untuk menyertai BN. Tindakan mereka itu menyebabkan kerajaan negeri pimpinan PBS tumbang.

Yang pertama berucap untuk menghentam Dompok ialah Bongkos.

"Perdana Menteri sendiri menawarkan kerusi selamat kepada Dompok. Dia menolaknya kerana katanya dia dilahir, dibesar dan mendapat pendidikan di Moyog. Ini bermakna Dr Mahathir Mohamad tidak yakin Dompok boleh menang. Saya juga dilahir, dibesar dan mendapat pendidikan di Moyog," kata Bongkos disambut tepukan gemuruh.

Daripada enam tokoh PBS yang berucap malam itu, kempen mencabar Dompok nampaknya menjadi soal peribadi.

Kerajaan pusat juga menjadi sasaran.

"Mana dia pembangunan yang dijanjikan. BN berjanji memberikan kita Sabah Baru tetapi mana dia Sabah baru yang mereka katakan itu," kata Bongkos, bekas Pegawai Daerah Panampang, kawasan yang dianggap oleh masyarakat Kadazandusun sebagai pusat "nasionalisme" mereka.

Selain Pairin dan Bongkos, yang turut berucap ialah bekas menteri kewangan negeri Datuk Mohd Noor Mansoor, timbalan presiden PBS Datuk Wong Phin Chung, anggota Parlimen Tuaran Yunof Maringking dan calon PBS bagi kawasan Petagas, Uda Sulai.

Setiap kali nama Dompok dan nama beberapa Anggota Dewan Undangan Negeri dari PBS yang dituduh mengkhianati parti itu pada 1994 disebut, mereka yang hadir melaungkan "katak, pembelot".

"PBS dibunuh oleh katak-katak besar ini. Kali ini, kita akan ajar mereka," kata Wong.

Mohd Noor yang menjadi menteri semasa pemerintahan Berjaya pertengahan tahun 70an sehingga 80an, pula berkata PBS tidak mengiktiraf Dompok sebagai ketua menteri kerana "dia mengisi tempat yang sepatutnya menjadi hak Datuk

Pairin".

Seperti di mana-mana juga dalam kampennya, mesej Pairin ialah meminta Barisan Nasional "menghormati hak rakyat Sabah."

Dompok sebaliknya tidak gusar dengan kritikan PBS itu.

Dalam ucapan pada kampennya, Dompok secara bijak mengelak daripada menyerang pemimpin PBS, sebaliknya mengetengahkan "agenda pembangunannya".

"PBS kini terdesak dan memilih taktik buli," kata beliau kepada Bernama di Moyog malam tadi.

Katanya PBS tahu bahawa ia semakin kehilangan sokongan di kawasan Kadazandusun dan menyebarkan tuduhan kononnya BN tidak membawa sebarang kemajuan.

"Mereka lupa mengenai lebuhraya baru yang kita bina sejak lima tahun lepas walaupun pemimpin mereka menggunakan lebuhraya itu setiap hari," katanya.

Dompok berkata pilihan bagi Kadazandusun semakin jelas berbanding dahulu.

"BN bermakna pembangunan manakala PBS ialah sentimen. Pembangunanlah yang menang," katanya.

-- BERNAMA

AU MAI